UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM/ PEND 5.1

Tarikh : 26 Jun 2013

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN UPM BILANGAN 1 TAHUN 2013

PINDAAN WAKTU BEKERJA UNTUK KAKITANGAN UPM SEMASA BULAN RAMADHAN 1434 HIJRAH

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan waktu bekerja semasa bulan Ramadhan 1434 Hijrah di Universiti Putra Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-488 pada 26 Jun 2013 bersetuju untuk meminda waktu bekerja semasa bulan Ramadhan 1434 Hijrah. Pindaan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pegawai Universiti membuat persediaan untuk berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadhan 1434 Hijrah.

PELAKSANAAN

3. Pindaan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

3.1 pindaan untuk waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan 1434 Hijrah;

3.2 waktu bekerja yang dipinda ini akan berkuatkuasa mulai 1 Ramadhan 1434 Hijrah dan akan tamat pada hari terakhir bulan Ramadhan 1434 Hijrah;

3.3 mana-mana Ketua Jabatan adalah dibenarkan untuk mengarahkan kakitangan masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini sekiranya terdapat keperluan mendesak; dan

Pejabat Pendaftar, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
603-8946 6000 603-8948 2507 http://www.admin.upm.edu.my

3.4 waktu bekerja yang dipinda ini hendaklah tidak menjejaskan jumlah waktu bekerja iaitu 45 jam seminggu seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Pindaan Waktu Kerja

4. Butir-butir waktu bekerja biasa yang dipinda semasa bulan Ramadhan 1434 Hijrah adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin -Khamis	7:30 pg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 2:00 ptg	2:00 ptg – 4:00 ptg
	Jumaat	7:30 pg – 12:45 ptg	12:45 ptg – 2:45 ptg	2:45 ptg – 4:00 ptg
WP2	Isnin -Khamis	8:00 pg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 2:00 ptg	2:00 ptg – 4:30 ptg
	Jumaat	8:00 pg – 12:45 ptg	12:45 ptg – 2:45 ptg	2:45 ptg – 4:30 ptg
WP3	Isnin -Khamis	8:30 pg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 2:00 ptg	2:00 ptg – 5:00 ptg
	Jumaat	8:30 pg – 12:45 ptg	12:45 ptg – 2:45 ptg	2:45 ptg – 5:00 ptg

Bintulu, Sarawak

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin -Khamis	7:30 pg – 1:00 ptg	1:00 ptg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 4:00 ptg
	Jumaat	7:30 pg – 11:45 pg	11:45 pg – 1:45 ptg	1:45 ptg – 4:00 ptg
WP2	Isnin -Khamis	8:00 pg – 1:00 ptg	1:00 ptg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 4:30 ptg
	Jumaat	8:00 pg – 11:45 pg	11:45 pg – 1:45 ptg	1:45 ptg – 4:30 ptg
WP3	Isnin -Khamis	8:30 pg – 1:00 ptg	1:00 ptg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 5:00 ptg
	Jumaat	8:30 pg – 11:45 pg	11:45 pg – 1:45 ptg	1:45 ptg – 5:00 ptg

TARIKH KUATKUASA

5. Tarikh kuatkuasa pindaan waktu bekerja ini adalah mulai 1 Ramadhan 1434 Hijrah sehingga hari terakhir bulan Ramadhan 1434 Hijrah.

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang benar,

(DATO' WAN AZMAN BIN WAN OMAR)
D.S.I.S
Pendaftar
Universiti Putra Malaysia

s.k: Edaran : Semua Timbalan Naib Canselor
Bursar
Ketua Pustakawan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Penasihat Undang-Undang
Semua Dekan Fakulti/ Sekolah
Semua Pengarah Akademi/Institut/Pusat
Semua Pengetua Kolej
Semua Ketua Bahagian/Pusat/Taman

Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU

Salinan : YBhg. Datuk Naib Canselor